

TAHAP EFIKASI GURU DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN SEKOLAH DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DALAM DAERAH BACHOK

**Awanis Binti Mohd
Ainunmadiyah Binti Mohd Nawawi
Dr Siti Noor Binti Ismail
Universiti Utara Malaysia**

ABSTRAK: Kajian ini membincangkan tentang hubungan tahap efikasi guru dengan pencapaian sekolah. Dalam konteks kajian ini, fokus utama melibatkan dua dimensi efikasi iaitu efikasi sendiri dan efikasi mengajar. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi untuk menganalisis data yang dikumpul melalui kaedah kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang diedarkan kepada 375 orang responden di sekolah-sekolah menengah dalam Daerah Bachok. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 22. Item statistik yang digunakan untuk analisis data termasuk Ujian-t, ANOVA Satu Hala dan Korelasi Pearson. Analisis dapatan kajian yang dijalankan menunjukkan nilai min skor yang tinggi bagi efikasi guru. Efikasi sendiri guru menunjukkan nilai min skor yang lebih tinggi iaitu 4.03 berbanding efikasi mengajar. Satu kajian korelasi juga telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara kedua-dua dimensi efikasi ini dengan pencapaian sekolah. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan ($r = 0.07$, $p > 0.05$) antara efikasi guru dengan pencapaian sekolah. Bagi dimensi efikasi mengajar, keputusan menunjukkan bahawa wujudnya hubungan negatif yang sangat lemah namun signifikan antara efikasi mengajar dengan pencapaian sekolah. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa efikasi guru turut mempengaruhi pencapaian sekolah namun masih terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kecemerlangan sekolah.

KATA KUNCI: Efikasi guru, efikasi sendiri, efikasi mengajar, pencapaian sekolah

PENGENALAN

Efikasi sendiri merupakan konstruk yang dipelopori oleh Bandura menerusi teori kognitif sosial. Menurut Bandura (1993), efikasi sendiri adalah kepercayaan dan keyakinan individu terhadap keupayaannya untuk menyelaraskan dan melaksanakan serangkaian tindakan yang diperlukan untuk mencapai tujuan yang dikehendaki. Beliau mendefinisikan efikasi sendiri sebagai kemampuan diri seseorang dalam melakukan tugas atau tindakan yang diperlukan individu. Kajian ke atas efikasi dalam konteks pengajaran mula diteroka pada tahun 1966 oleh "*Rand Corporation*".

Bandura (1997) juga menyatakan bahawa definisi efikasi sendiri akan menjadi lebih jelas jika efikasi sendiri dapat membentuk kesungguhan individu untuk merancang, merangka strategi dan menjalankan tugas secara berkesan. Dalam kajian ini, efikasi sendiri guru merujuk kepada pertimbangan seseorang itu terhadap kemampuannya menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian yang dijalankan di Tennessee, Amerika Syarikat pada pertengahan tahun 1990-an menunjukkan bahawa secara relatif, guru berprestasi tinggi dapat meningkatkan pencapaian murid sehingga 50 poin

persentil dalam tempoh tiga tahun berbanding guru berprestasi rendah (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

Guru merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan pelajar dan kecemerlangan sekolah. Namun dapatan-dapatan kajian yang lalu melaporkan bahawa guru sering hilang keyakinan diri atau efikasi sendiri dan hilang tumpuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sekaligus menyebabkan kompetensi pengajaran lemah (Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim, 2007). Keadaan ini akan menyebabkan semangat guru menjadi lemah dan kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi kurang berkesan.

Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan (Khalid Johari, 2012; Mohd Yusri Ibrahim, 2012; Khalid Johari, Zurida Ismail, Shukri Osman dan Ahmad Tajuddin Othman, 2009; Zaidatul Akmaliah Lope Pihie et al, 2005; Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim, 2007; Maguire, 2011 & Sandoval, 2010 yang menunjukkan bahawa efikasi guru di Malaysia adalah tinggi, namun terdapat kajian yang menunjukkan kontradik iaitu dapatan kajian yang sebaliknya. Misalnya kajian oleh Ishak Sin (2001) dan Hipp (1996) menunjukkan bahawa efikasi guru adalah pada tahap sederhana. Begitu juga dengan kajian yang telah dijalankan oleh OECD TALIS (2009) menunjukkan bahawa efikasi guru di Malaysia adalah pada aras sederhana. Justeru, perbezaan dapatan kajian ini telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian menggunakan pembolehubah yang sama iaitu efikasi guru tetapi di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok. Pengkaji ingin melihat sejauh manakah efikasi guru di Bachok mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Kebanyakan organisasi hari ini, termasuk sekolah menghadapi persekitaran dalaman dan luaran yang berubah dengan pantas. Berdasarkan pengkalan data Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan (EMIS) Kementerian Pelajaran Malaysia, guru hanya menghabiskan secara purata antara 2.4 hingga 2.9 jam sehari mengajar di dalam bilik darjah. Kajian ini menunjukkan bahawa guru menghabiskan banyak masa pengajaran untuk melaksanakan tugas pentadbiran (antara 15% hingga 30% berdasarkan kaji selidik) (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025). Justeru kajian yang berterusan perlu dijalankan dari masa ke semasa untuk menilai tahap efikasi guru dalam dunia pendidikan yang sering mengalami transformasi.

Kajian-kajian berkaitan efikasi guru di sekolah-sekolah dalam dan luar negara telah banyak dijalankan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Misalnya kajian oleh Khalid Johari (2012); Mohd Yusri Ibrahim (2012) dan Khalid Johari, Zurida Ismail, Shukri Osman dan Ahmad Tajuddin Othman (2009); Zaidatul Akmaliah Lope Pihie et al (2005); Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim (2007). Walaupun kajian-kajian tersebut telah dijalankan, namun masih terdapat ruang-ruang yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu. Antara ruang yang ditinggalkan ialah perbandingan efikasi guru mengikut dimensi efikasi sendiri dan efikasi mengajar antara sekolah-sekolah menengah di kawasan luar bandar. Hal ini mendorong pengkaji untuk melihat tahap efikasi guru dalam sudut berbeza iaitu dengan mengkaji hubungan antara tahap efikasi sendiri dan efikasi mengajar guru dengan pencapaian sekolah di sekolah-sekolah menengah di kawasan luar bandar seperti di Bachok, Kelantan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti :

- i. Tahap efikasi guru di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok.
- ii. Perbezaan efikasi guru berdasarkan faktor jantina
- iii. Perbezaan efikasi guru berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru
- iv. Hubungan antara efikasi guru dengan pencapaian sekolah di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok
- v. Hubungan antara efikasi guru dengan pencapaian sekolah di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok.
- vi. Hubungan antara efikasi guru mengikut dimensi dengan pencapaian sekolah di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok.

KERANGKA KAJIAN

Pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini serta corak dan arah perhubungan antara pembolehubah digambarkan dalam kerangka konseptual kajian seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.1 berikut.



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian

DEFINISI OPERASIONAL

Efikasi Guru

Efikasi adalah kepercayaan seseorang terhadap kebolehannya untuk melaksanakan sesuatu tingkah laku yang dikehendaki dengan jayanya (Bandura, 1977). Ashton (1984) pula mendefinisikan efikasi guru sebagai sejauh mana guru yakin mereka mempunyai pengaruh ke atas pencapaian dan prestasi pelajar. Gibson dan Dembo (1984) pula mendefinisikan efikasi guru sebagai kepercayaan dan keyakinan seseorang guru terhadap kemampuan, kebolehan dan keupayaan dirinya untuk mengajar.

Menurut Gibson dan Dembo (1984) juga, efikasi guru boleh dibahagi kepada dua fungsi utama iaitu keupayaan sendiri dan keupayaan mengajar. Keupayaan sendiri adalah keyakinan terhadap kebolehan yang dimiliki untuk mengubah seseorang pelajar. Manakala keupayaan mengajar merujuk kepada kemampuan untuk mengubah pencapaian pelajar. Dalam kajian ini, efikasi guru didefinisikan sebagai tahap keyakinan yang dimiliki oleh seseorang guru untuk mengubah pencapaian dalam pembelajaran seseorang pelajar. Dalam kajian ini juga, efikasi sendiri guru merujuk kepada pertimbangan seseorang itu terhadap kemampuannya menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru.

Pencapaian Sekolah

Pencapaian sekolah merujuk kepada gred purata sekolah (GPS) berdasarkan keputusan peperiksaan awam Malaysia, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dalam kajian ini, pengkaji telah mengidentifikasikan pencapaian sekolah berdasarkan kepada nilai berikut:

Jadual 1.1
Gred Purata Sekolah

Gred Purata Sekolah	Tahap
0 – 1.6	Sangat Cemerlang
1.7 – 3.2	Cemerlang
3.3 – 4.9	Baik
5.0 – 6.6	Memuaskan
6.7 – 8.3	Lemah

Sumber : JPN (2015)

KEPENTINGAN KAJIAN

Selain daripada pengetua, guru memainkan peranan utama yang akan menentukan kejayaan sekolah. Namun dapatan-dapatan kajian melaporkan guru sering hilang keyakinan atau efikasi dan hilang fokus kepada tugas pengajaran dan pembelajaran sekaligus menyebabkan kompetensi pengajaran lemah (Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim, 2007). Menurut Bandura (1997), efikasi guru adalah kepercayaan guru terhadap keupayaan diri untuk mengendalikan pengajaran secara berkesan ke arah mempengaruhi pencapaian murid. Justeru peranan guru dalam mempengaruhi kejayaan akademik pelajar tidak boleh dinafikan.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk membantu guru mengetahui tahap efikasi sendiri dan efikasi mengajar mereka di sekolah. Dapatan kajian ini diharapkan dapat melihat kewujudan perbezaan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok dan hubungannya dengan pencapaian sekolah. Hasil kajian ini akan dapat membantu para guru untuk memperbaiki efikasi sendiri dan efikasi mengajar mereka agar dapat meningkatkan pencapaian pelajar.

Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kewujudan perkaitan antara pengalaman guru dengan tahap efikasi guru di sekolah –sekolah menengah dalam daerah Bachok. Ini berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Khalid Johari (2012) yang menyatakan bahawa efikasi guru meningkat setelah memasuki fasa pengalaman 3 hingga 6 tahun, 7 hingga 10 tahun, 11 hingga 14 tahun. Efikasi guru mula menurun dalam fasa 15 hingga 18 tahun iaitu fasa yang dinamakan sebagai fasa efikasi lesu. Setelah menempuh pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun, guru-guru merasakan mereka telah “tenang” dengan andaian berkeupayaan menghadapi sebarang masalah pendidikan yang mungkin timbul. Keadaan yang sedemikian menjadikan semangat profesionalisme mereka juga menurun kerana semakin berkurangnya cabaran yang mereka hadapi (Huberman, 1993). Justeru, kajian ini penting untuk menyedarkan pihak berwajib misalnya Jabatan Pelajaran Negeri untuk mempertimbangkan program pembangunan profesionalisme bagi guru-guru yang kurang daripada tujuh tahun pengalaman mengajar dan program peningkatan profesionalisme yang bersifat “*career rejuvenation*” kepada guru yang berkhidmat melewati 18 tahun (Khalid Johari, 2012).

TINJAUAN LITERATUR

Konsep dan Teori Efikasi Kendiri

Albert Bandura adalah tokoh yang mula memperkenalkan istilah efikasi kendiri (*self-efficacy*). Beliau mendefinisikan efikasi kendiri sebagai keyakinan individu mengenai kemampuan diri seseorang dalam melakukan tugas atau tindakan yang diperlukan untuk mencapai hasil tertentu (Bandura, 1986). Beliau juga menyatakan efikasi kendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Individu

yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah (Wood & Bandura, 1989).

Efikasi Guru

Dalam pendidikan, kepercayaan guru terhadap keupayaan diri untuk mengendalikan pengajaran secara berkesan ke arah mempengaruhi pencapaian murid dirujuk sebagai efikasi guru (Bandura, 1997). Tschannen-Moran dan Hoy (2001) mendefinisikan efikasi guru sebagai pertimbangan guru terhadap keupayaannya untuk mencapai hasil yang diharapkan dalam penglibatan dan pembelajaran murid, walaupun ada di antaranya murid yang menghadapi kesukaran dan tidak bermotivasi. Sementara definisi efikasi guru menurut Gibson dan Dembo (1984) ialah tanggapan terhadap keupayaan untuk menghasilkan peningkatan positif dalam kalangan murid.

Model dan Teori-teori Efikasi Kendiri

Prinsip asas teori efikasi kendiri ialah pencapaian dan motivasi individu ditentukan oleh kepercayaan terhadap diri sendiri (Bandura, 1982). Tumpuan kajian ke atas efikasi dalam konteks pengajaran mula diteroka pada tahun 1966 menerusi penyelidikan yang dikendalikan oleh "*Rand Corporation*" (Khalid Johari, 2012).

Bandura (1997) berpendapat bahawa konstruk utama dalam teori kognitif sosial ialah 'penentuan bersalingan' (*reciprocal determinism*), iaitu interaksi dinamik yang saling mempengaruhi antara faktor personal (kognitif, perasaan dan perubahan biologi), tingkah laku dan persekitaran. Bandura menekankan bahawa kognitif berperanan penting untuk menentukan efikasi kendiri, aturan kendiri, informasi dan membentuk tingkah laku individu (Pajeras, 2002).

Menurut kajian oleh Gibson dan Dembo (1984), efikasi terdiri daripada dua konstruk utama iaitu efikasi kendiri dan efikasi mengajar. Efikasi kendiri dirujuk sebagai keyakinan seseorang guru bahawa mereka memiliki kemampuan untuk mengubah pelajar, manakala efikasi mengajar pula dilihat sebagai kekuatan, kebolehan dan keupayaan diri untuk mengajar. Dalam mengukur efikasi kendiri dan efikasi mengajar guru, Gibson dan Dembo (1984), telah mencadangkan satu soal selidik yang dinamakan '*Teaching Efficacy Scale*' (*TES*) yang menggunakan skala Likert enam mata.

Pengkaji telah memilih model teori untuk efikasi guru yang diperkenalkan oleh Gibson dan Dembo (1984). Namun untuk memahami dan melihat dengan lebih dekat pengaruh efikasi terhadap proses pengajaran guru dan pembelajaran pelajar, adalah lebih baik meneliti beberapa dapatan kajian yang diutarakan oleh Gibson dan Dembo (1984) tersebut. Antara dapatan yang diperolehi ialah :

- i. Guru-guru yang tinggi efikasi menjangkakan bahawa pelajar-pelajar mereka akan maju, dan terbukti bahawa pelajar-pelajar tersebut mencapai tahap yang disasarkan.
- ii. Guru-guru yang tinggi efikasi yakin bahawa mereka bertanggungjawab untuk menjadikan pelajar mereka belajar dan terus belajar.
- iii. Guru-guru yang tinggi efikasi akan mencari punca kelemahan dan terus melaksanakan tindakan pemulihan sekiranya pelajar mereka gagal.
- iv. Guru-guru yang tinggi efikasi sentiasa merancang supaya pelajar mereka sentiasa belajar, menetapkan matlamat, serta mengenal pasti strategi untuk mencapai matlamat tersebut.
- v. Guru-guru yang tinggi efikasi sentiasa merasa seronok terhadap tugas mereka sebagai guru serta gembira bersama-sama pelajar.
- vi. Guru-guru yang tinggi efikasi sentiasa yakin mereka mampu mengubah pelajar mereka daripada gagal kepada berjaya. Mereka sentiasa memberi penekanan dalam akademik, boleh bersama dengan pelajar lemah dan bermasalah serta sentiasa menyemak kerja pelajar.

DAPATAN KAJIAN LEPAS BERKAITAN DENGAN EFIKASI GURU

Khalid Johari (2012) telah menjalankan kajian untuk melihat pola efikasi guru mengikut pengalaman mengajar. Kajian ini menggunakan instrumen TSES yang dibina oleh (Tschannen-Moran & Woolfolk Hoy, 2001) bagi menentukan perbezaan efikasi antara guru-guru mengikut enam kategori pengalaman mengajar. Analisis min menunjukkan efikasi guru-guru sekolah menengah berada pada aras yang tinggi. Hasil analisis korelasi memperlihatkan hubungan positif yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan efikasi guru pada ketiga-tiga konstruksinya, pada aras yang rendah. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Egger (2006); Knobloch dan Whittington (2002) & Looney (2003). Secara keseluruhannya, responden berada pada aras efikasi yang lebih baik dalam hal pengurusan kelas berbanding konstruk efikasi guru yang lain.

Dapatan ini berbeza daripada dapatan kajian Hoy dan Woolfolk (1993). Beliau juga telah mengenal pasti efikasi guru yang berkembang dalam empat fasa, iaitu fasa efikasi adaptasi, efikasi matang, efikasi puncak dan efikasi lesu. Menerusi analisis perbandingan menggunakan teknik MANOVA mendapati efikasi guru berbeza mengikut kategori pengalaman mengajar. Peningkatan pada efikasi guru didapati seiring dengan peningkatan pengalaman mengajar. Bermula dengan kategori pengalaman mengajar kurang daripada tiga tahun, efikasi guru meningkat setelah memasuki fasa pengalaman tiga hingga enam tahun. Aras efikasi guru mula menurun dalam fasa 15 hingga 18 tahun. Aras efikasi guru mencapai kemuncaknya ketika berada dalam kategori pengalaman mengajar antara sebelas hingga 14 tahun. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa hubungan antara pengalaman guru dengan efikasi guru adalah signifikan tetapi pada aras yang lemah. Menerusi analisis multivariat mendapati pengalaman mengajar memberi pengaruh yang signifikan ke atas efikasi guru secara keseluruhan mahupun dimensi-dimensinya secara berasingan.

Kajian yang hampir sama turut dijalankan oleh Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Teng, Foo, Zakaria Kasa dan Jegak Uli (2010). Namun mereka cuba melihat hubungan kepimpinan transformasional pengetua dengan efikasi sendiri guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap efikasi guru terhadap strategi pengajaran dan pengurusan kelas yang tinggi tetapi untuk efikasi terhadap penglibatan pelajar hanya di tahap sederhana tinggi. Dapatan ini tidak selari dengan kajian Ishak Sin (2001) kerana dengan menggunakan skala Gibson dan Dembo (1994) untuk mengukur efikasi sendiri guru di Kedah, beliau mendapati efikasi sendiri guru hanya pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini juga tidak menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Hipp (1996) kerana kajiannya mendapati guru mempunyai efikasi sendiri pada tahap sederhana sahaja.

Mohd Yusri Ibrahim (2012) dalam kajiannya telah mengkaji corak hubungan antara kepimpinan pengajaran, efikasi guru, kompetensi pengajaran guru dan pencapaian akademik pelajar di Terengganuyang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan tahap efikasi guru mengikut faktor jantina dan bidang pengajaran.

Namun terdapat perbezaan tahap efikasi guru mengikut kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Guru yang berkelulusan ijazah lebih tinggi efikasi berbanding guru yang tidak berijazah ($t = 1.96$, $sig = 0.05$), manakala guru yang mempunyai pengalaman yang lebih lama lebih tinggi efikasi berbanding guru yang lebih junior ($F=2.98$, $sig=0.05$). Dapatan ini secara tidak langsung menyokong dapatan kajian yang menyatakan tahap pengetahuan dan pengalaman kerja guru adalah faktor yang mempengaruhi tahap efikasi dan kualiti pengajaran (Tschannen-Moran & Hoy, 2002; Bandura, 1997; Soodak & Podell, 1996).

METODOLOGI

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan secara rentasan. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan kepada sampel-sampel secara rawak daripada beberapa buah sekolah menengah dalam daerah Bachok.

Populasi dan sampel kajian

Jumlah populasi kajian ialah 1,313 orang guru yang mengajar di 17 buah sekolah menengah dan sekolah menengah agama dalam daerah Bachok. Berdasarkan formula yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) didapati jumlah sampel yang maksimum bagi kajian tinjauan ini adalah seramai 375 orang dari keseluruhan sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok yang dipilih secara rawak mudah.

Instrumen Kajian

Soal selidik yang digunakan untuk mengukur efikasi guru dalam kajian ini adalah menggunakan item-item yang diadaptasi daripada kajian Mohd Yusri Ibrahim (2012) dan telah diguna dan diujisah dalam kajian beliau. Dalam kajiannya beliau menggunakan soal selidik *Teacher Efficacy Scale* (TES) yang dibina oleh Gibson dan Dembo (1984). Pengkaji telah menjalankan ujian rintis kerana ujian tersebut ditadbir dalam persekitaran yang berbeza dengan negeri Kelantan. Hasil kajian rintis menunjukkan pekali kebolehppercayaan bagi pembolehubah efikasi sendiri adalah 0.73 manakala item efikasi mengajar mempunyai nilai Alpha Cronbarch 0.77. Ini bermakna kebolehppercayaan pembolehubah efikasi sendiri boleh diterima.

Prosedur Analisis Data

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Program for Social Science (SPSS)*. Data yang dipungut melalui pendekatan kuantitatif iaitu yang menggunakan instrumen soal selidik akan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi. Perkara-perkara yang akan dilakukan semasa menganalisis data-data soal selidik ialah analisis pengesahan faktor, ujian normaliti, kekerapan dan kecenderungan memusat, sukatan serakan, korelasi dan ujian perbandingan min untuk menganalisis hipotesis kajian.

Analisis yang digunakan dalam kajian ini ialah Ujian $-t$ atau ANOVA Satu Halai iaitu untuk menguji perbezaan skor min antara dua kumpulan sampel. Analisis korelasi Pearson juga digunakan bagi menentukan hubungan terus antara pembolehubah. Dalam kajian ini, korelasi Pearson digunakan untuk menentukan bentuk dan kekuatan saling hubungan antara pembolehubah-pembolehubah efikasi guru dan pencapaian sekolah. Korelasi Pearson yang menunjukkan nilai positif menggambarkan dua pembolehubah yang dikaji mempunyai hubungan langsung manakala nilai negatif menunjukkan hubungan yang songsang (Bhasah Abu Bakar, 2007; Majid Konting, 2000; Airisian dan Gay, 2003). Kekuatan pembolehubah ditentukan dengan menggunakan petua Rowentree (1981) sebagaimana jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2
Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi

Nilai Indeks Korelasi	Interpretasi
1.00 – 0.20	Sangat Lemah
0.21 – 0.40	Lemah
0.41 – 0.70	Sederhana
0.71 – 0.90	Kuat
0.91 – 1.00	Sangat kuat

Sumber : Rowantree (1981)

DAPATAN KAJIAN

Analisis Deskriptif

Kajian ini telah mengambil seluruh populasi guru di 17 buah sekolah menengah dalam daerah Bachok. Jumlah populasi kajian ialah 1,313 orang guru dan berdasarkan formula yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), penyelidik telah menggunakan jadual penentuan saiz sampel sebagai rujukan. Seramai 375 orang dari keseluruhan sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

Jantina

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan didapati seramai 121 orang (32.3 %) adalah responden lelaki. Manakala responden perempuan pula yang terlibat seramai 254 orang (67.7%).

Umur

Dapatan kajian menunjukkan bilangan responden yang berumur kurang daripada 25 tahun adalah seramai 4 orang (1.1%). Responden yang berumur antara 26 hingga 30 tahun adalah seramai 26 orang (6.9%) manakala responden yang berumur antara 31 hingga 35 tahun dan antara 36 hingga 40 tahun masing-masing menunjukkan bilangan seramai 43 orang (11.5%) dan 55 orang (14.7%). Bagi responden yang berumur antara 41 - 45 tahun adalah seramai 102 orang dan menunjukkan jumlah responden yang paling tinggi terlibat dalam kajian ini. Seramai 88 orang (23.5%) responden yang terlibat adalah berumur antara 46 hingga 50 tahun dan bagi responden yang berada dalam lingkungan umur 51 tahun ke atas adalah seramai 57 orang (15.2%).

Pengalaman Guru

Analisis yang dihasilkan menunjukkan terdapat 25 (6.7%) orang guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun, 45 (12.0%) orang guru berpengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun dan 74 (19.7%) orang guru berpengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun. Manakala guru yang berpengalaman mengajar antara 16 hingga 20 tahun adalah seramai 89 (23.7%) orang guru. Bagi guru yang berpengalaman mengajar antara 21 hingga 25 tahun adalah seramai 96 (25.6%) orang dan 46 (12.3%) orang adalah guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 25 tahun.

Tahap Efikasi Guru

Penyelidik telah membuat analisis dari segi tahap efikasi sendiri guru dan efikasi mengajar guru seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.5. Nilai tafsiran min dibahagikan kepada tiga (Silins & Murray-Harvey, 2000; Rusmini Ku Ahmad, 2006). Nilai tafsiran min ditunjukkan dalam Jadual 4.4 di bawah.

Jadual 4.4
Petunjuk Min

Nilai Skor Min	Interpretasi
1.00 - 2.50	Rendah
2.51 - 3.50	Sederhana
3.51 - 5.00	Tinggi

Sumber : Silins & Murray-Harvey (2000) & Rusmini Ku Ahmad (2006).

Jadual 4.5
Profil Responden Berdasarkan Efikasi Kendiri, Efikasi Mengajar dan Efikasi Guru

Jantina	Bilangan (N)	Min	SP	Tahap
Efikasi Kendiri	375	4.03	0.34	Tinggi
Efikasi Mengajar	375	3.73	0.40	Tinggi
Efikasi Guru	375	3.90	0.28	Tinggi

Jadual 4.6 berdasarkan analisis tersebut, taburan min bagi efikasi sendiri guru mencatatkan nilai 4.03 dan nilai min bagi efikasi mengajar guru adalah 3.73. Ini menunjukkan bahawa tahap efikasi sendiri guru lebih tinggi berbanding tahap efikasi mengajar guru. Efikasi guru secara keseluruhannya mencatatkan nilai min 3.90 yang menunjukkan tahap efikasi yang tinggi dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di daerah Bachok.

Dapatan kajian menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara efikasi guru dengan pencapaian sekolah. Wujud hubungan yang sangat lemah antara efikasi guru dengan pencapaian sekolah. Analisis kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan efikasi guru yang signifikan antara guru lelaki dengan guru perempuan. Dari segi pengalaman mengajar, efikasi guru yang tinggi ditunjukkan oleh kumpulan guru yang berkhidmat antara 6 hingga 10 tahun. Ini menunjukkan terdapat faktor atau pembolehubah lain yang turut mempengaruhi pencapaian sekolah.

PERBINCANGAN

Perbincangan Tahap Efikasi Guru dan Hubungannya dengan Pencapaian Sekolah

Fokus utama kajian ini ialah untuk melihat sejauh manakah efikasi guru mempengaruhi pencapaian sekolah di sekolah-sekolah menengah di kawasan luar bandar. Kajian yang dijalankan ini mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi guru dengan pencapaian sekolah. Begitu juga dengan dimensi pertama iaitu efikasi sendiri guru juga menunjukkan hubungan yang tidak signifikan dengan pencapaian sekolah. Namun bagi dimensi kedua iaitu efikasi mengajar, analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan pencapaian sekolah. Ini menunjukkan bahawa efikasi mengajar guru turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar walaupun hubungan yang ditunjukkan adalah lemah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap efikasi guru adalah tinggi iaitu nilai min skor 4.03 bagi efikasi sendiri dan 3.73 bagi efikasi mengajar. Manakala bagi efikasi guru secara keseluruhannya menunjukkan nilai min skor adalah 3.90. Dapatan ini menyokong kajian peringkat tempatan yang telah dijalankan oleh Nurahimah Mohd Yusof dan Rafisah Osman (2010) yang mendapati bahawa tahap efikasi guru adalah tinggi. Kajian Khalid Johari (2009) ke atas 1,502 orang responden di Sabah juga menunjukkan bahawa efikasi guru adalah tinggi. Tahap efikasi yang tinggi ini menggambarkan bahawa guru mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan dirinya dalam usaha menyampaikan pengajaran dan meningkatkan pencapaian para pelajar di sekolah.

Analisis kajian berkaitan pengalaman mengajar guru menunjukkan nilai min skor yang berbeza mengikut tempoh mengajar guru. Kajian memaparkan guru yang mengajar antara 6 hingga 10 tahun mempunyai tahap efikasi yang lebih tinggi berbanding kumpulan yang lain. Manakala guru yang mengajar kurang daripada 5 tahun mempunyai tahap efikasi yang paling rendah. Dapatan ini tidak selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Khalid Johari (2009) yang menyatakan tahap efikasi guru yang paling tinggi adalah setelah memasuki fasa pengalaman mengajar antara 11 hingga 14 tahun. Namun hasil dapatan yang selari ditunjukkan bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 5 tahun (Guru Novis) adalah berada pada tahap efikasi yang paling rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru yang dalam tempoh pengajaran antara 6 hingga 10 tahun berada pada peringkat efikasi matang iaitu fasa yang lebih meyakinkan mereka terhadap kemampuan melaksanakan tugas-tugas pengajaran. Pada peringkat ini guru-guru berada pada tahap kesedaran dan semangat yang lebih tinggi terhadap masalah yang timbul serta berhasrat untuk mencapai yang terbaik (Hubberman, 1993).

Dalam mengkaji hubungan tahap efikasi guru dengan pencapaian sekolah, didapati hipotesis yang ketiga telah menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap efikasi guru dengan pencapaian sekolah. Daripada analisis yang dijalankan, didapati bahawa wujud hubungan yang sangat lemah antara efikasi guru dengan pencapaian sekolah ($r = 0.07$, $p > 0.05$). Dapatan kajian juga memaparkan nilai $p > 0.05$ menunjukkan hubungan antara efikasi guru dengan pencapaian sekolah adalah tidak signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa efikasi guru mempunyai pengaruh yang sangat kecil terhadap pencapaian sekolah. Hal ini membuktikan bahawa terdapatnya faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi pencapaian sekolah. Keputusan ini bertentangan dengan kajian-kajian lepas yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap efikasi guru dengan pencapaian murid (Ashton & Webb 1986; Bandura 1993, 1997; Gibson & Dembo 1984; Tschannen-Moran & Hoy 2001). Kesungguhan guru dalam mempengaruhi pencapaian murid adalah merujuk kepada konstruk efikasi guru (Bandura 1997). Guru yang berefikasi tinggi menerapkan strategi pengalaman masteri berbanding guru yang rendah efikasi pengajarannya cenderung mengabaikan perkembangan kognitif dan keupayaan murid (Gibson & Dembo 1984). Kepercayaan efikasi yang tinggi mendorong guru supaya lebih berusaha dalam tugas pengajarannya dengan mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan tidak mudah mengalah (Tschannen-Moran & Hoy 2001).

Walau bagaimanapun, terdapat kajian lepas yang menunjukkan faktor guru tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Kajian oleh Mohd Fadzli Ismail dan Mohd Sukki Othman (2012), berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah sumbangan faktor guru, pelajar dan buku teks mempengaruhi pencapaian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan jumlah sumbangan faktor guru terhadap pencapaian pelajar adalah 8% sahaja. Nilai ini kecil dan tidak signifikan. Ini bermakna faktor guru tidak mempunyai sumbangan yang besar bagi pencapaian pelajar dalam Bahasa Arab. Ini dapat dijelaskan melalui kemungkinan wujudnya beberapa faktor lain seperti faktor motivasi dan persekitaran di samping kemungkinan wujudnya guru-guru yang tidak menjalankan peranan mereka dengan baik sehingga menyebabkan mereka tidak mampu memberikan sumbangan kepada pencapaian pelajar dalam Bahasa Arab. Situasi ini berkaitan dengan tahap efikasi guru dan hubungannya dengan pencapaian sekolah yang dikaji oleh penyelidik. Hal ini menunjukkan dapatannya selari dengan dapatan yang diperolehi penyelidik.

Hasil kajian ini juga menunjukkan keputusan yang tidak selari dengan kajian-kajian terdahulu. Misalnya kajian yang dijalankan oleh Emmer & Hickman (1991); Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (1998) jelas mendapati bahawa efikasi guru menyumbang pengaruh yang konsisten ke atas aspek-aspek pengajaran berkesan, seperti merancang strategi pembelajaran yang berkesan. Menerusi kajian-kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa kualiti guru adalah amat penting dan berkait rapat dengan pencapaian akademik murid.

IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah memberi sumbangan ilmu pengetahuan yang lebih mantap terhadap perkembangan tahap efikasi guru di sekolah. Efikasi guru telah dikenalpasti sebagai faktor penyumbang kepada pencapaian sekolah terutamanya dalam bidang akademik. Kajian ini juga membuktikan bahawa faktor-faktor lain yang mempengaruhi pencapaian sekolah tidak boleh diabaikan seperti faktor kepimpinan sekolah, pengurusan kelas dan bilik darjah, penyeliaan pengajaran dan pembelajaran serta latihan guru. Dapatan kajian ini akan dapat dijadikan panduan dalam merangka program dan menyusun atur strategi bagi meningkatkan lagi pencapaian sekolah agar berada pada Gred Purata Sekolah yang terbaik. Dalam mengupas implikasi dapatan kajian ini, tiga aspek penting akan dibincangkan iaitu:

i) Bidang ilmu

Konsep efikasi bukanlah suatu bidang ilmu yang baharu di negara-negara barat. Namun di Malaysia, istilah ini seolah-olah suatu perkara baru dan masih terdapat dalam kalangan guru yang tidak memahami konsep efikasi ini. Kajian ini merupakan suatu sumbangan ilmu yang sangat berharga kepada dunia pendidikan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dan sekolah mencapai sasaran yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, bagi mencapai keputusan akademik yang cemerlang, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa pihak pentadbiran sekolah tidak boleh hanya melihat kepada kekuatan guru semata-mata sebaliknya perlu memikirkan faktor-faktor lain serta menyediakan ruang dan kemudahan yang kondusif sama ada kepada guru mahupun para pelajar.

ii) Teoritikal

Terdapat implikasi terhadap teori yang sedia ada dan kajian empirikal yang lepas tentang tahap efikasi guru di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya dimensi efikasi yang menyumbang kepada pencapaian sekolah, iaitu efikasi mengajar. Ini menunjukkan bahawa usaha guru di dalam bilik darjah melalui proses pengajaran dan pembelajaran telah menyumbang kepada pencapaian sekolah. Sehubungan dengan itu, pihak KPM dan pentadir sekolah hendaklah mengenegahkan teori tentang kepentingan efikasi mengajar terhadap pencapaian sekolah kepada seluruh warga sekolah demi merealisasikan kecemerlangan pendidikan seluruh negara.

iii) Praktikal

Hasil dapatan kajian ini diharapkan akan dapat menjadi garis panduan kepada para guru dalam meningkatkan keupayaan dan kemampuan diri mereka untuk membantu para pelajar dalam pencapaian akademik. Berdasarkan dapatan kajian ini juga, diharapkan guru-guru dapat menilai kembali prestasi diri mereka dan berusaha untuk meningkatkan keupayaan terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas bersama para pelajar.

Pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) ataupun Kementerian Pendidikan perlu merancang program atau aktiviti bagi memberi motivasi kepada guru-guru agar efikasi sendiri dan efikasi mengajar guru-guru dapat ditingkatkan. Efikasi guru perlu digilap kembali dengan menyediakan pelbagai program peningkatan motivasi dan profesionalisme selari dengan perkembangan terkini yang menuntut komitmen yang tinggi daripada guru-guru.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan yang akan datang dibuat secara lebih menyeluruh dengan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Disarankan agar kajian lanjutan yang akan dilakukan pada masa-masa akan datang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Pengkaji boleh mendapatkan maklum balas secara terus melalui temu bual bersama responden untuk menilai tahap efikasi guru. Justeru dapatan kajian adalah lebih tepat kerana kaedah kualitatif dapat menyokong kaedah kuantitatif.

Pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan yang akan dilakukan pada masa hadapan menggunakan lokasi yang lebih luas dan besar. Adalah lebih baik sekiranya kajian lanjutan yang akan datang melibatkan lokasi yang lebih menyeluruh kepada negeri-negeri lain di Malaysia.

Pengkaji mencadangkan agar melibatkan sampel kajian yang lebih besar. Sampel kajian yang lebih besar dan tepat, akan dapat meningkatkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan kajian dengan melibatkan beberapa kategori sekolah seperti Sekolah Berprestasi Tinggi, Sekolah Berprestasi Sederhana dan Sekolah Berprestasi Rendah.

RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan tahap efikasi guru di sekolah-sekolah menengah secara keseluruhannya adalah tinggi. Namun tahap efikasi guru ini mempunyai hubungan yang tidak signifikan dengan pencapaian sekolah. Walaubagaimanapun, kajian menunjukkan hubungan negatif antara efikasi mengajar guru dengan pencapaian sekolah adalah signifikan. Hal ini membuktikan bahawa dapatan kajian tidak selari dengan teori yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang menyatakan bahawa efikasi guru mempengaruhi

secara langsung pencapaian akademik para pelajar. Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan ilmu yang bermakna ke arah mencapai kecemerlangan dan kegemilangan sekolah.

Justeru, adalah diharapkan agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah dapat menyediakan ruang-ruang yang terbaik kepada guru dan pelajar untuk lebih berusaha bagi meningkatkan pencapaian sekolah. Pihak sekolah perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan iklim dan budaya sekolah yang baik, menyusun latihan pembangunan profesionalisme guru, suasana pembelajaran di bilik darjah yang kondusif, penerapan nilai-nilai agama yang berterusan, meningkatkan program-program jati diri dan pendisiplinan pelajar agar faktor-faktor ini menjadi sokongan kepada efikasi guru bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam melahirkan sekolah yang lebih cemerlang.

RUJUKAN

- Airasian, P. & Gay, L. R. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications* (Seventh Edition). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Ashton, P. (1984). Teacher efficacy: A motivational paradigm for effective teacher education. *Journal of Teacher Education*, 35(5), 28-32.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84 (2), 191-215.
- Bandura, A. & Cervone, D. (1983). Self-evaluative and self-efficacy mechanisms governing the motivational effects of goal systems. *Journal of Personality and Social Psychology*, 45, 586-598.
- Bandura, A. (1995). *Self-efficacy in changing societies*. New York, NY: Cambridge University Press.
- Bandura, A. (1997). *Self Efficacy: The Exercise Of Control*. New York: W.H. Freeman.
- Bhasah Abu Bakar. (2007). *Kaedah analisis data penyelidikan ilmiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Yussof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim. (2008). *Kompetensi pengetua sekolah menengah Malaysia dalam bidang pengurusan kurikulum*. Kertas kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-15 IAB, Genting Highland.
- Cohen, L. and Manion, L. (1994). *Research Methods in Education*. London, Routledge and Kegan Paul.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education*, 6th ed. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Dembo, M.H. and Gibson, S. (1985). *Teachers sense of efficacy: An important factor in school*. *Elementary School Journal*, 86, 173-184.
- Gay, L.R. (1996). *Educational Research: Competencies For Analysis And Application*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Gibson, S. & Dembo, M. H. (1984). *Teacher efficacy: a construct validation*. *Journal of Educational Psychology*, 76 (4), 569-582.
- Hoy, A. & Hoy, W. (2006). *Instructional leadership: A research-based guide to learning in school*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Hoy, W. K., & Woolfolk, A.E. (1993). *Socialization Of Student Teachers*. *American Educational Research Journal*. Vol. 27:p279-300.
- Huberman, M. (1993). *The Lives Of Teachers*. New York, Teachers' College Press.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman dan Ahmad Tajuddin Othman. (2009). Pengaruh jenis latihan guru dan pengalaman mengajar terhadap efikasi guru sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 3-14.
- Khalid Johari. (2009). Perkembangan Efikasi Guru Sekolah Menengah Di Sabah. *Jurnal Kemanusiaan Bil.20*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30: 607-610.
- Maguire, K. (2011). *The role of teacher efficacy in student academic achievement in mathematics*. Disertasi Ijazah Pendidikan tidak diterbitkan, Walden University.
- Mohd Fadzli Ismail & Mohd Sukki Othman. (2012). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan Di SMAP Kajang*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. DBP: Kuala Lumpur

- Mohd Salleh Lebar. (2000). *Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohd Yusri Ibrahim. (2012). *Model Kepimpinan Pengajaran Pengetua, Efikasi dan Kompetensi Pengajaran*. Terengganu, Univeriti Malaysia Terengganu.
- Muhammad Faizal A. Ghani. (2008). *Pembentukan Model Keberkesanan dan penambahbaikankolek di Malaysia*. Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan: Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nurahimah Mohd Yusoff&Rafisah Osman. (2010). *Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah Dengan Efikasi Guru*. Asia Pacific Journal Of Educators And Education, Vol. 25, 53-71.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Pra sekolah hingga Lepas Menengah. (2013). Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya
- Punch, K.F. (2009). *Introduction to research methods in education*. London: SAGE Publication Ltd.
- Pajares, F. (2002). *Overview of social cognitive theory and self efficacy*. Dimuat turun pada 12 Ogos 2014 dari <http://www.emory.edu/EDUCATION/MFP/EFF.HTML>
- Sabitha Marican. (2006). *Penyelidikan sains sosial: pendekatan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sekaran, U. (2000). *Research method for business: Askill-building approach. Ed 3*. New York: John Wiley and Winston.
- Tschannen Moran, M. and Hoy, A.W. (2002). *The influence of Resources And Support On Teachers' Efficacy Belirfs*. Paper Presented At Annual Meeting Of The American Educational Research Association. April2, 2002. New Orleans, LA.
- Van der Bijl, J. J., & Shortridge-Baggett, L. M. (2002). The theory and measurement of the self-efficacy construct. In E. A. Lentz & L. M. Shortridge-Baggett (Eds.), *Self-efficacy in nursing: Research and measurement perspectives* (pp. 9-28). New York.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, teng Lung Kiu, Foo Say Fooi, Zakaria Kasa, Jegak Uli. (2005). *Hubungan Kepimpinan Transformasional Pengetua dengan Efikasi KendiriGuru*. Serdang. UPM

